
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JPK 411 – TEORI-TEORI PEMBELAJARAN KOGNITIF

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Tuliskan angka giliran disetiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

..../2-

1. Edward Chace Tolman (1886-1959), ialah ahli psikologi yang berpandangan bahawa pembelajaran perlu dikaitkan dengan tingkah laku.

Berdasarkan pandangan Tolman:

- (a) Huraikan TIGA (3) prinsip yang menjadi asas kepada tingkah laku organisma.

(10 markah)

- (b) Bincangkan peranan "peneguhan dan motivasi" dalam pembelajaran.

(10 markah)

- (c) Terangkan perbezaan antara pembelajaran dan tingkah laku.

(5 markah)

2. (a) Bandura (1986), menyatakan bahawa "Pembelajaran berlaku dengan cara memerhatikan orang lain melakukannya". Jelaskan bagaimana anda menggunakan konsep tersebut dalam bilik darjah.

(15 markah)

- (b) Terangkan LIMA (5) cara bagaimana guru dapat meningkatkan pemindahan pembelajaran positif.

(10 markah)

3. (a) B.F.Skinner (1953), telah mengemukakan dua jenis peneguhan. Sebutkan jenis-jenis peneguhan tersebut dan bagaimana anda dapat laksanakannya dalam bilik darjah.

(10 markah)

- (b) Mengikut Donald A. Norman (1982), pembelajaran ialah sesuatu yang melibatkan ingatan yang bermatlamat dan tingkah laku mahir: Huraikan TIGA (3) jenis ingatan yang dikemukakan oleh Norman.

(15 markah)

4. (a) David Ausebel (1969), mengklasifikasikan pembelajaran kepada dua demensi iaitu RESEPSI dan PENEMUAN. Bincangkan ciri-ciri demensi RESEPSI dan PENEMUAN tersebut.

(10 markah)

- (b) Jean Piaget (1896-1980), telah mengemukakan teori perkembangan positif. Jelaskan peringkat-peringkat perkembangan kanak-kanak seperti yang dinyatakan melalui teori berkenaan.

- (i) peringkat sensori motor (masa lahir – 2 tahun)
- (ii) peringkat pra operasi (2 – 7 tahun)
- (iii) peringkat operasi konkrit (7 – 11 tahun)

(15 markah)

5. (a) Gagne (1985), telah mengenal pasti lapan jenis pembelajaran, nyatakan konsep-konsep pembelajaran berikut:

- (i) pembelajaran isyarat
- (ii) pembelajaran gerak balas
- (iii) pembelajaran diskriminasi
- (iv) pembelajaran hukum
- (v) pembelajaran penyelesaian masalah

(10 markah)

- (b) Huraikan bagaimana seseorang guru boleh menggunakan kelima-lima jenis pembelajaran tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

(15 markah)

- 000Oooo -

